

PENGURUSAN PENYAKIT GANODERMA DI KEBUN KELAPA SAWIT

8. Cara-cara pengurusan Penyakit *Ganoderma* untuk pokok yang telah dijangkiti

a) 'Mounding' atau timbus tanah di keliling pokok

i. Timbus tanah untuk mengalakkan pertumbuhan akar baru.

ii. menguatkan pangkal pokok supaya tidak tumbang bila ditiup angin kencang.

iii. Diguna untuk pokok yang dijangkiti Penyakit Reput Pangkal (BSR) yang mempunyai bahagian jangkitan pada paras 1 meter atau kurang dari aras permukaan tanah.

iv. Cara-cara melakukan 'mounding':

- Buang tisu-tisu batang yang dijangkiti, jika bahagian jangkitan tidak dalam.
- Tuang dan timbus tanah di keliling pokok yang dijangkiti sehingga ketinggian 1 meter dari tanah.



Gambar 11. 'Mounding' pokok yang dijangkiti tapi masih produktif

b) Kutip dan musnahkan cendawan kulat *Ganoderma*

i. Kurangkan sumber-sumber spora daripada merebak ke kawasan yang lain.

ii. Musnahkan cendawan dengan merendam di dalam air.

iii. Tandakan (Gunakan cat merah) supaya pokok dijangkiti *Ganoderma* boleh dikenali.

- Tandakan (G) untuk pokok dijangkiti penyakit reput pangkal batang (BSR).
- Tandakan (\hat{G}) untuk pokok dijangkiti penyakit reput batang atas (USR).
- Tandakan (\hat{G}) untuk pokok dijangkiti kedua-dua BSR dan USR.



Gambar 12. Penyakit Reput Pangkal Batang



Gambar 13. Penyakit Reput Batang Atas

9. Cara-cara pengurusan Penyakit *Ganoderma* untuk pokok dijangkiti yang mati

a) Korek dan buang/ dedah

- i) Untuk membuang sisa tisu-tisu berpenyakit daripada tertanam di dalam tanah.
- ii) Dedahkan tisu-tisu berpenyakit kepada pancaran matahari supaya ia cepat kering. Kulat akan kering dan mati apabila terdedah kepada udara kering dan cahaya matahari.
- iii) Cara-cara melakukan:
 - Korek pangkal pokok yang dijangkiti dan cincang pangkal dan batang pokok.
 - Sebarkan cebisan dicincang di atas tanah jauh dari tempat penanaman.
 - Korekkan lubang seluas 2 meter x 2 meter x 1.5 meter dalam di tempat pangkal pokok berpenyakit dikorek.
 - Sebarkan tanah yang dikorek supaya terdedah kepada matahari dan JANGAN timbus tisu-tisu yang berpenyakit.

b) Tanam jauh dari tempat pokok berpenyakit

- i) Pastikan pokok yang baru ditanam jauh daripada tempat pokok dijangkiti tumbuh.
- ii) Ini untuk elakkan akar pokok baru daripada dijangkiti.

c) Korek parit pengasingan (Tanah Gambut sahaja)

- i) Parit pengasingan ('isolation trench') dikorek untuk mengasingkan pokok sawit yang dijangkiti daripada pokok lain yang sihat.
- ii) Korek parit keliling di luar pokok sawit yang dijangkiti seluas 4 meter x 4 meter. Parit perlu 30cm lebar dengan kedalaman 1 meter.
- iii) Parit keliling perlu selalu diserenggarakan.